



16 Julai 2024

## KENYATAAN MEDIA PAC

1. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera, sidang media ini ialah sidang media terakhir PAC bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-15. Hari ini PAC membentangkan **Laporan Tindakan Susulan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, JKR Sarawak Dan JKR Sabah Bagi Syor-Syor Laporan PAC Berhubung Pengurusan Naik Taraf Dan Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah.**
2. Laporan ini adalah bagi memaklumkan tindakan susulan yang diambil KPM, JKR Malaysia, JKR Sarawak dan JKR Sabah terhadap syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC berkaitan Pengurusan Naik Taraf Dan Pembangunan Semula Bangunan Daif Di Sekolah yang telah dibentangkan di Parlimen pada **21 Mac 2024**.
3. PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan berhubung isu sekolah daif pada **3 Julai 2024** dan saksi yang hadir adalah Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), MOF, mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Setiausaha, KPM.
4. Terdapat 4 syor PAC yang telah dikemukakan kepada pihak MOF dan KPM. MOF serta KPM telah mengemukakan maklum balas terhadap syor-syor berkenaan.

5. Berikutan itu, Jawatankuasa ini telah memberikan ulasan pada setiap tindakan susulan yang diambil terhadap syor berkenaan, sama ada maklum balas yang dikemukakan adalah wajar dan boleh diterima atau tidak oleh Jawatankuasa ini.
6. PAC berpandangan masih terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan bagi mencapai inisiatif sifar bangunan sekolah daif. Kerajaan, khususnya KPM dan JKR perlu lebih proaktif mempercepat tindakan berhubung projek pembangunan atau kerja-kerja ubah suai, naik taraf bangunan daif, di samping mempergiat proses verifikasi bagi data-data yang telah dikunci masuk dalam EMIS.
7. PAC turut mencadangkan kepada KPM untuk turut melihat kepada kerja-kerja pencegahan bagi menangani isu bangunan daif di sekolah, mengambil kira kewangan dan peruntukan sedia ada.
8. Orang ramai boleh membaca setiap tindakan susulan KPM, JKR Malaysia, JKR Sarawak dan JKR Sabah serta ulasan PAC dengan melayari laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)

### **Rakan-rakan Media**

9. Selain Laporan Tindakan Susulan berhubung Sekolah Daif yang telah dibentangkan pada hari ini, PAC telah membentangkan 6 laporan bagi Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen ke-15 seperti berikut:
  - i. Laporan PAC berhubung FELCRA Berhad pada 26 Jun 2024;
  - ii. Laporan Tindakan Susulan Kementerian berhubung Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi pada 27 Jun 2024;

- iii. Laporan PAC berhubung Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) pada 3 Julai 2024;
  - iv. Laporan PAC berhubung Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) pada 4 Julai 2024;
  - v. Laporan PAC berhubung Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar pada 11 Julai 2024; dan
  - vi. Laporan Tindakan Susulan Kementerian berhubung UiTM Holdings Sdn. Bhd. pada 15 Julai 2024.
10. Pada hari terakhir sidang Dewan Rakyat Khamis ini, PAC akan bentangkan Laporan Tindakan Susulan Kementerian berhubung Program Ramalan dan Amaran Banjir menjadikan jumlah keseluruhan 8 laporan dibentangkan pada mesyuarat kali ini.
11. Saya juga ingin memaklumkan bahawa Ketua Audit Negara telah memberikan taklimat berhubung Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan pada 10 Julai 2024.
12. Lanjutan itu, Ahli-ahli PAC telah berbincang dan **sebulat suara** bersetuju untuk memulakan prosiding bagi isu-isu seperti berikut:
- i. Prosiding Pengurusan Air Negara di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRESS) pada 29 Julai 2024;

- ii. Prosiding Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah pada 30 Julai 2024;
  - iii. Prosiding MARA Incorporated Sdn. Bhd. di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah pada 31 Julai 2024; dan
  - iv. Prosiding Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri pada 1 Ogos 2024.
13. Selain itu, PAC juga akan menyambung prosiding berhubung Program Pengurusan Penanaman Padi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 6 Ogos 2024. Prosiding ini telah diadakan sebanyak 2 kali pada 13 Disember 2023 dan 26 Mac 2024. Selain itu, sebanyak 2 lawatan kerja telah diadakan bagi prosiding ini iaitu ke Alor Setar dan Gurun, Kedah serta ke Sekinchan, Selangor.
14. Prosiding Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) pula akan disambung PAC pada 7 Ogos 2024 selepas prosiding pertama diadakan pada 20 Jun 2024. Bagi prosiding yang akan datang, PAC telah memutuskan untuk memanggil saksi seperti berikut:
- i. **YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin**, Menteri Pertahanan;
  - ii. **YBhg. Jeneral (B) Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raha Mohamed Noor**, mantan Pengurus LTAT;
  - iii. **YBhg. Datuk Ahmad Nazim Abd Rahman**, mantan Ketua Eksekutif LTAT; dan
  - iv. **YBrs. Puan Dayana Rogayah Omar**, mantan Pengarah Kanan Strategi.

## Rakan-rakan Media

15. Saya mewakili PAC ingin menyatakan mengenai betapa pentingnya laporan-laporan PAC yang telah dibentangkan perlu dibahaskan. Laporan-laporan PAC boleh dibahaskan selaras dengan Peraturan Mesyuarat 14(1)(l) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
16. Perbahasan laporan-laporan PAC membolehkan rakyat mengetahui perkara-perkara yang telah disiasat oleh PAC sekali gus memberikan peluang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk lebih memahami isu-isu yang dilaporkan dengan lebih mendalam.
17. PAC juga yakin bahawa melalui perbahasan laporan PAC, pihak Kementerian, Jabatan dan Agensi yang terlibat boleh mengambil tindakan korektif yang berkesan bagi menangani isu yang berkaitan hasil daripada cadangan Ahli-ahli Dewan Rakyat.
18. Melalui perbahasan ini, PAC dapat mempertahankan rumusan dan syor yang telah dikemukakan kerana sebelum ini, PAC tidak mempunyai platform untuk menerangkan kepada rakyat.
19. Seperti mana semua sedia maklum, PAC telah bertemu dengan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 4 Julai 2024. YAB Perdana Menteri tegaskan bahawa PAC perlu terus aktif memainkan peranan semak dan imbang bagi mengawasi perolehan serta kewangan Kerajaan dan itulah yang jawatankuasa ini akan lakukan.
20. Di kesempatan ini, saya ingin mengulas mengenai pertukaran Naib Pengerusi PAC di mana YB Puan Teresa Kok, Ahli Parlimen Seputeh telah dipilih untuk menggantikan YB Puan Wong Shu Qi, Ahli Parlimen Kluang. PAC ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Puan Wong Shu Qi atas khidmat dan jasa beliau dalam Jawatankuasa ini sejak Parlimen ke-14 sebagai Ahli PAC dan sebagai Naib Pengerusi PAC Parlimen ke-15 sejak 4

April 2023. Tahniah diucapkan kepada YB Kluang yang telah dilantik sebagai Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah TalentCorp.

21. Kami menyambut baik dan mengalu-alukan pelantikan dan kehadiran YB Puan Teresa Kok, Ahli Parlimen Seputeh sebagai Naib Pengerusi PAC. Selamat datang dan tahniah diucapkan kepada beliau. PAC percaya pengalaman beliau sebagai Ahli Parlimen sejak tahun 1999 dan mantan Menteri Industri Utama dapat menjadikan PAC lebih berwibawa dalam memastikan setiap laporan yang dibentangkan mempunyai impak kepada Kerajaan.
22. Ingin saya kongsikan bahawa sebagai Ahli PAC, topi parti perlu ditinggalkan semasa menjalankan tugas dalam Jawatankuasa ini memandangkan kesemua keputusan PAC adalah secara konsensus. Segala perkara yang berlaku di dalam Jawatankuasa ini tidak boleh dibawa keluar dan juga sebaliknya.
23. Sesungguhnya, PAC adalah sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen yang telah wujud selama 65 tahun sejak tahun 1959 dan seharusnya kredibiliti Jawatankuasa ini sebagai *non-partisan* terus dijaga dan dipelihara.
24. Akhir kata, PAC berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh semua Ahli PAC termasuk juga pihak ex-officio yang telah menasihati dan memberikan panduan dalam setiap mesyuarat bagi memastikan laporan yang dihasilkan adalah telus dan komprehensif. Ribuan terima kasih diucapkan dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
Pengerusi PAC Parlimen**